

PBS diminta buat pengakuan setia

Oleh SAMSOR JUNET

UM 19 NOV 2001

PEKAN 18 Nov. — Parti Bersatu Sabah (PBS) perlu membuat pengakuan bahawa mereka benar-benar setia dan patuh kepada dasar-dasar Barisan Nasional (BN) walaupun apa jua kemungkinan yang berlaku pada masa depan.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini kerana rancangan PBS menyertai semula BN telah menimbulkan tanda-tanya sesetengah pihak disebabkan tindakan-tindakannya pa-

da masa lalu. "Ada pihak timbulkan pertanyaan sama ada PBS benar-benar patuh kepada BN sebagai satu ikatan politik dan dapat memberi jaminan bahawa perkara masa lalu tidak berulang lagi.

"Sebab itu PBS kena bagi pengakuan, mungkin kepada presiden parti (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) yang mereka akan benar-benar patuh dan setia setelah menyertai semula BN nanti," tegasnya.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai rancangan PBS untuk menyertai semula BN dan kini telah

mendapat sokongan beberapa pihak termasuk Gerakan serta Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat.

Dalam hubungan ini, kata Najib, PBS juga perlu meyakinkan parti-parti komponen BN di Sabah bahawa mereka benar-benar jujur setelah menyertai BN nanti.

"Perkara ini perlu kerana kemasukan PBS memerlukan persetujuan sebulat suara daripada semua parti komponen BN sekarang termasuk dari Sabah," jelasnya.

Najib berkata, BN merupakan satu-satunya

parti di negara ini yang telah berjaya membuktikan kewibawaan memimpin negara sehingga wujud kestabilan.

Kata beliau, mana-mana parti sebenarnya digalakkan menyertai BN yang terbukti telah berjaya membawa perpaduan dan kesejahteraan kepada rakyat selama ini.

PBS pernah bertindak keluar BN lima hari menjelang pilihan raya umum Parlimen pada 1990 dan bergabung dengan Gagasan Rakyat pimpinan Parti Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah.